

TM tawar HSBB di Indahpura

KULAIJAYA - Telekom Malaysia Bhd. (TM) menandatangani perjanjian perkhidmatan kedua dengan Axis AME IP Sdn. Bhd. (Axis AME) bagi penyediaan dan pelaksanaan perkhidmatan serta infrastruktur rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) kepada pembangunan iPark Phase 3 dan SME City di Indahpura di sini.

Naib Presiden TM Negeri Johor, Mohd. Roslan Mohd. Rashidi berkata, perjanjian tersebut merupakan lanjutan kepada perjanjian perkhidmatan yang dibuat pada Oktober 2012.

"Kerjasama ini menandakan pencapaian penting dan kejayaan TM dalam memberi manfaat HSBB kepada lebih banyak perniagaan melalui kerjasama dengan pemaju taman perindustrian seperti Axis AME," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian



antara kedua-dua syarikat berkenaan di sini semalam.

Turut hadir ialah Penolong Pengurus Besar TM Johor bagi SME, Mohd. Nizam Mohd. Yunan; Pengarah Eksekutif Axis AME, Datuk Stewart LaBrooy dan Pengarah Urusannya, Kelvin Lee Chai.

Mohd. Roslan menerangkan, kerjasama TM dengan Axis AME memberi makna buat syarikat itu memandangkan ia bukan sahaja meningkatkan ke-

hadirannya di iPark dan SME City tetapi juga membolehkan pemilik dan penyewa kilang-kilang tersebut menikmati era baharu gaya hidup digital.

"TM akan menyediakan perkhidmatan di kedua-dua taman perindustrian tersebut.

"Ini menjadikannya tersedia dengan UniFi bagi penghuni dan bakal pembeli yang boleh melanggan perkhidmatan jalur lebar berkenaan

apabila berpindah ke situ," katanya.

Beliau berkata, mereka yang tinggal di kawasan berdekatan boleh menikmati manfaat perkhidmatan tersebut yang dapat dicapai pada kelajuan 100Mbps.

Taman perindustrian itu akan dilengkapi dengan langganan percuma perkhidmatan 5Mbps UniFi bagi tempoh maksimum dua tahun.

Selain itu, tambah beliau, TM telah bersedia daripada segi perancangan dan infrastruktur untuk membawa perkhidmatan HSBB ke hab minyak dan gas di Pengerang.

Jelasnya, penempatan dan penyediaan perkhidmatan itu akan membantu merancakkan pembangunan industri di kawasan tersebut.

UniFi ditawarkan dengan tiga perkhidmatan yang terdiri daripada internet berkelajuan tinggi, video (Televisyen Protokol Internet atau IPTV) dan suara dengan kelajuan daripada 5Mbps hingga 20Mbps melalui teknologi gentian.
- Bernama



MOHD. ROSLAN (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan LaBrooy (dua dari kanan) di Kulaijaya, Johor semalam.